

BNM tambah baik dana RM1b rumah mampu milik

KUALA LUMPUR 21 Ogos - Bank Negara Malaysia (BNM) melancarkan khidmat nasihat kewangan serta khidmat cadangan secara percuma kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta pembeli rumah yang gagal memperoleh pinjaman bank.

Gabenor BNM, Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus berkata, Khidmat Nasihat Kewangan (MyKNP) berminat meningkatkan pengalaman pemohon pembiayaan, termasuk memberi pemahaman yang lebih baik mengenai faktor-faktor yang menjejaskan permohonan pembiayaan mereka selain membantu meningkatkan kelayakan memperoleh pembiayaan pada masa depan.

"Inisiatif MyKNP ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran dan kredibiliti kewangan pengguna bagi mengurangkan jurang maklumat antara pengguna dan institusi kewangan," katanya pada pelancaran MyKNP di sini hari ini.

MyKNP merupakan inisiatif usaha sama BNM, Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd (CGC) dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi meningkatkan ekosistem pembiayaan.

Dalam ucapannya, Nor Shamsiah berkata, RM152 bilion pembiayaan diluluskan kepada PKS pada separuh pertama 2019, meningkat daripada RM149 bilion pada tempoh sama tahun lepas.

Sementara itu, pinjaman perumahan berjumlah RM78.5 bilion diluluskan dalam separuh pertama 2019, memberi manfaat kepada lebih 180,000 peminjam.

Beliau menasihatkan supaya pembiayaan pinjaman kepada PKS dan pembeli rumah perlu digunakan secara berhemat dan



NOR SHAMSIAH

bertanggungjawab.

Ini bertujuan memastikan peminjam tidak meminjam melebihi keupayaan mereka sehingga menyebabkan masalah kewangan atau beban, katanya.

Nor Shamsiah berkata, PKS dan peminjam yang berpotensi juga perlu bertanggungjawab dalam menilai kemampuan mereka bagi memenuhi komitmen kewangan.

Sementara itu, beliau mengumumkan penambahan kepada Dana RM1 bilion untuk Rumah Mampu Milik, yang bertujuan membantu pembeli rumah kumpulan berpendapatan rendah membiayai pembelian rumah pertama mereka.

Penambahbaikan yang berkuat kuasa pada 1 September itu melibatkan pengembangan kriteria kelayakan. Pendapatan isi rumah bulanan maksimum dinaikkan kepada RM4,360 daripada RM2,300, manakala harga hartanah maksimum dinaikkan kepada RM300,000 daripada RM150,000 sebelumnya. -BERNAMA

PLATFORM DALAM TALIAN

i-INVEST KWSP



1 Ahli KWSP yang layak kini boleh membuat pelaburan bermaklumat dana unit amanah ditawarkan Institut Pengurusan Dana diluluskan KWSP menerusi platform dalam talian i-Invest dalam portal i-Akaun.



2 Bagi ahli KWSP berusia di bawah 55 tahun, pelaburan boleh dibiayai secara langsung daripada simpanan ahli yang layak di bawah Akaun 1.

4 Aplikasi ini membolehkan ahli untuk mengawal pelaburan mereka dan membuat transaksi pada kos hampir sifar.

5 i-Invest mengandungi instrumen untuk mendapatkan dan membandingkan maklumat yang relevan & membolehkan pemilihan dana unit amanah yang betul yang sesuai dengan matlamat simpanan ahli.

**0-0.5%
CAJ JUALAN**

3 Caj jualan daripada sifar hingga 0.5 peratus daripada jumlah transaksi dikenakan.

6 Ahli KWSP boleh memindahkan daripada Akaun 1 KWSP mereka sehingga 30 peratus daripada jumlah yang melebihi Simpanan Asas, untuk dilabur dalam dana yang layak.

UTUSAN
MALAYSIA

Sumber: KWSP